

**TERMA DAN SYARAT**  
**MERDEKA WITH BIGPAY!**

**KEMPEN**

1. Bersempena bulan Kemerdekaan ini, PTPTN bekerjasama dengan rakan strategik BigPay melalui **Kempen Merdeka With BigPay!** yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN di samping berpeluang memenangi ganjaran istimewa;
2. BigPay adalah aplikasi kewangan yang didatangkan bersama *Prepaid MasterCard dan Visa* serta aplikasi untuk membolehkan pengguna membuat transaksi bayaran;
3. Kempen ini juga merupakan tanda keprihatinan PTPTN dan BigPay bagi menghargai peminjam PTPTN yang komited membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN.

**TEMPOH KEMPEN**

4. Tempoh kempen bermula **15 Ogos 2022 sehingga 30 September 2022**;
5. PTPTN dan BigPay mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN dan laman web rasmi BigPay, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

**KELAYAKAN**

6. Terbuka kepada pengguna BigPay **yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN** di dalam tempoh kempen;
7. **Penentuan kelayakan pemberian ganjaran** adalah seperti yang berikut:

Kategori	Pemberian Ganjaran	Bilangan Pemenang
Bayaran balik pinjaman <b>minimum RM2,000 secara one off menggunakan BigPay</b>	RM50 <i>cashback</i> dan 6x mata ganjaran yang akan dikreditkan ke dalam e-wallet BigPay	<b>100 pengguna terawal</b> setiap bulan (Ogos dan September). Jumlah keseluruhan pemenang yang layak adalah 200 orang
Bayaran balik pinjaman <b>minimum RM200 melalui potongan debit secara berturut-turut pada bulan Ogos dan September menggunakan BigPay</b>	Berpeluang memenangi tiket penerbangan domestik bernilai RM200	<b>20 pemenang</b>

8. Setiap pengguna layak menerima pemberian ganjaran sekali sahaja untuk setiap kategori;
9. Pengguna yang menyertai Kempen Merdeka with BigPay dan layak sebagai pemenang akan diumumkan di media sosial BigPay iaitu:
  - Instagram <https://www.instagram.com/bigpayme/?hl=en> dan
  - Facebook <https://www.facebook.com/bigpaymalaysia/>
10. Pemenang kempen akan menerima ganjaran yang ditetapkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah kempen tamat;
11. Pengguna yang memenangi ganjaran tiket penerbangan domestik perlu menghubungi Bahagian Pemasaran BigPay melalui e-mel [bpmarketing@bigppayme.com](mailto:bpmarketing@bigppayme.com) dan memberi maklumat seperti berikut:
  - Nama penuh (mengikut Kad Pengenalan);
  - Nombor telefon bimbit; dan
  - E-mel yang digunakan untuk mendaftar dengan BigPay untuk tujuan pengenalan.
12. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh rakan strategik adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan.

### **PERUNTUKAN UMUM**

13. Sebagai pelanggan yang mempunyai akaun aktif, pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;
14. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen ini, pelanggan mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisma kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen;
15. PTPTN dan BigPay berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
16. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.

17. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pelanggan untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
18. PTPTN dan BigPay tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
19. PTPTN dan BigPay berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pelanggan tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
20. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN dan BigPay berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN dan BigPay;
21. Penyertaan pelanggan dalam kempen ini adalah atas risiko pelanggan sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
22. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN dan BigPay berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
23. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat kempen ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai kempen yang tidak dinyatakan di dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN;
24. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pelanggan termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pelanggan, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pelanggan hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

25. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada pelanggan.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
**Kempen Merdeka With BigPay!***

*Maklumat dikemaskini pada 15 Ogos 2022*